

**PERASMIAN BENGKEL HALA TUJU PENYELIDIKAN
UNIT ETNOGRAFI DAN PEMBANGUNAN DAN UNIT PSIKOLOGI
DAN KESIHATAN SOSIAL**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin dan selamat mengikuti bengkel yang dijalankan.

Penawaran Program

UMS telah ditubuhkan pada bulan November 1994 dan mula mengambil kumpulan pelajar sulungnya seramai 205 orang pada tahun 1995. Pada masa itu, UMS hanya menawarkan tiga program pengajian prasiswazah melalui tiga buah sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Sekolah Pemiagaan dan Ekonomi (SPE) dan Sekolah Sains Sosial (SSS). Kini dalam jangka masa kurang dari tiga tahun, UMS telah dapat memperkembangkan penawaran programnya kepada 32 program dengan tambahan beberapa buah sekolah, iaitu:

1. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS)
2. Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM)
3. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS)
4. Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP)
5. Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA)

Selain itu, UMS juga menawarkan program pengajian pascasiswazah dan matrikulasi.

R & D di UMS

Selain bertumpu kepada program akademik, UMS juga menjalankan aktiviti penyelidikan. Untuk tujuan ini, UMS telah menubuhkan empat buah unit penyelidikan, iaitu Unit Biologi Tropika dan Pemuliharaan (UBTP), Unit Penyelidikan Marin Borneo (UPMB), Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP) dan Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPSiKS).

Untuk makluman para hadirin, bengkel sebegini pernah dianjurkan untuk UBTP dan UPMB bagi menentukan hala tuju penyelidikan. Pada hari ini, bengkel seumpama itu diadakan lagi untuk UPEP dan UPPSiKS bagi membincangkan hala tuju kedua-dua unit ini dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan. Oleh itu, UMS amat berbesar hati dengan penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dalam bengkel ini. Sebarang sumbangan idea dan buah fikiran dalam menjayakan bengkel ini amat kami hargai.

Tidak dapat dinafikan dalam proses pembangunan negara, banyak faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu projek pembangunan. Salah satu daripadanya ialah faktor sains sosial. Di sinilah penyelidikan-penyelidikan dalam bidang ini dapat membantu melicinkan program atau projek pembangunan negara. Sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dengan tenaga akademik dan pakar yang ada, UMS bersedia membantu serta bekerjasama dengan pihak berkenaan melalui unit-unit penyelidikannya.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan syabas kepada jawatankuasa penganjur di atas kegigihan menganjurkan bengkel ini dengan jayanya. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada para peserta bengkel di atas minat dan sokongan yang diberikan kepada kedua-dua unit penyelidikan ini.